

**Denis J. Sading**  
**Esmarida Ebos**

ISBN 978-967-13768-6-7

**HIMPUNAN GINDA**  
**ETNIK DUSUN TATANA**

*Ginda* adalah salah satu lagu tradisi bagi etnik Dusun Tatana. Lagu tradisi tersebut merupakan satu bentuk komunikasi yang mempunyai unsur seni yang tinggi. Selain daripada *ginda*, etnik Dusun Tatana juga mempunyai pelbagai lagu tradisi yang lain seperti *Bolibag*, *Nandong*, *Mibobogo*, *Badaup* dan *Boluai*. Walau bagaimanapun, beberapa daripada jenis lagu tradisi tersebut hanya boleh dibuat untuk upacara ritual sahaja seperti *Mibobogo*, *Boluai* dan *Bolibag*. Lagu-lagu tradisi tersebut digunakan semasa upacara ritual untuk berinteraksi dengan kuasa ghaib (*supernatural*). Terdapat sebanyak 302 *ginda* yang dapat didokumentasikan dalam buku ini. Sebahagian besar daripada *ginda* tersebut dicipta sendiri oleh Tan Sri Datuk Seri Panglima Wences Angang dan sebahagiannya diperoleh beliau daripada penduduk etnik Dusun Tatana di sekitar daerah Kuala Penyu.